

13 SEP 1997

Mahathir-Industri

MALAYSIA SEDIA BANTU NEGARA MEMBANGUN DALAM PERINDUSTRIAN

Oleh: Zulkefli Salleh

BISHKEK, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia bersedia bekerja rapat dengan negara-negara membangun untuk membantu mereka dalam bidang perindustrian dengan berkongsi pengalaman dalam perubahan corak ekonomi daripada pertanian kepada perindustrian.

Dr Mahathir berkata eskor swasta Malaysia bersedia memberi sumbangan dalam proses itu melalui projek usahasama di negara-negara berkenaan untuk membolehkan rakyat tempatan mendapat kemahiran dalam pembuatan dan pengurusan.

Malaysia mendapat pengalaman bahawa satu daripada cara untuk menceburi bidang perindustrian ialah melalui pelaburan asing secara langsung dan usahasama dengan rakan asing bagi mendapatkan pengalaman dahulu sebelum melakukan sendiri projek yang lebih besar.

"Apabila Malaysia memulakan perubahan daripada ekonomi pertanian kepada perindustrian, kami tidak mempunyai modal, tidak mempunyai kepakaran, tiada pasaran, tiada pengalaman eksport dan tiada kemahiran pengurusan," kata beliau kepada ahli perniagaan Kyrgyz dan Malaysia di sini malam tadi.

Oleh kerana itu, Malaysia membenarkan pelaburan asing secara langsung dengan membolehkan pihak asing memiliki 100 peratus kepentingan projek, kata beliau pada upacara menandatangani perjanjian antara MEC Sales and Services Sdn Bhd dengan Aziz Ltd bagi pengedaran barangan MEC di sini.

"Pada masa itu kami hanya ingin mewujudkan peluang pekerjaan. Kadar pengangguran kami ketika itu tidaklah setinggi kadar di Kyrgyz tetapi kami berpendapat cara untuk memajukan ekonomi negara kami ialah dengan mengadakan pekerjaan untuk semua rakyat," katanya.

Hasil strategi itu ialah Malaysia hari ini tidak mempunyai cukup tenaga kerja untuk memenuhi peluang pekerjaan yang ada dan Malaysia kini mempunyai 1.7 juta pekerja asing, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia yang pernah bekerja dengan syarikat milik penuh asing dan kemudiannya memperolehi kepakaran dan pengalaman untuk berdikari, kini mengeluarkan sendiri barangan yang satu ketika dahulu dikeluarkan oleh syarikat asing.

Beliau menyebut MEC sebagai satu contoh baik bagaimana sebuah syarikat yang pada mulanya mempunyai operasi kecil-kecilan bagi membekalkan komponen tertentu kepada syarikat asing, kini mengeluarkan 200 jenis peralatan elektrik di bawah jenama sendiri.

Dr Mahathir berkata bagi Kyrgyz, beliau telah menyarankan kepada kerajaan bahawa ia seharusnya mempunyai usahasama, bukannya pemilikan asing 100 peratus, dan kemudian beransur-ansur meningkatkan ekuiti sahamnya atau menubuhkan syarikat sendiri.

"Ini kerana kita perlu faham bahawa kita tidak boleh melompat terus daripada keadaan kita mempunyai pengetahuan yang sangat sedikit mengenai perindustrian, terus kepada industri yang sangat sofistikated dan mampu bersaing dalam pasaran dunia," katanya.

"Walaupun dengan bermula sebagai peniaga bagi barangan Malaysia sahaja dahulu pun, anda secara perlahan-lahan akan meningkat maju," katanya.

Dalam hal ini Kyrgyz mempunyai kelebihan daripada segi kos buruh yang lebih rendah dan potensi tenaga kerja berkualiti.

Dr Mahathir berharap lawatan kerjanya selama tiga hari ke negara ini akan membawa kepada penubuhan lebih banyak usahasama dan pelaburan antara kedua-dua negara.

Hari ini Dr Mahathir melawat kilang semikonduktor Tash-Kumirskiy dan stesen hidro elektrik Toktogulskaya di Bandaraya Osh di bahagian selatan Kyrgyz sebelum mengakhiri lawatan kerjanya.

Sebelum ini beliau melakukan lawatan rasmi empat hari ke Mongolia.

Kyrgyz, dengan keluasan 198,500 km persegi, bersempadan dengan Kazakhstan di sebelah utara, Uzbekistan di barat, Tajikstan di barat daya dan China di selatan dan timur.

Negara ini merupakan antara negara paling kecil dan miskin di kalangan negara bekas Kesatuan Soviet, yang ekonominya sangat bergantung kepada pertanian tetapi mempunyai potensi dalam bidang hidroelektrik, simpanan sumber emas dan logam galian serta arang batu, minyak dan gas asli yang boleh diusahakan. -- BERNAMA

ZKS RM NMO